

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 JUNE 2016

# KUISAS jadi universiti penuh

BH - 11/6/2016

➔ Najib umum  
kolej universiti  
dinaik taraf  
serta-merta

Oleh Oleh Jalal Ali Abdul  
Rahim, Mohd Azrone  
Sarabatin dan Farah  
Suhaidah Othman  
bhnews@bh.com.my

▣ Kuala Kangsar

**D**atuk Seri Najib Razak membawa pelbagai berita gembira kepada penduduk di daerah ini semalam apabila mengumumkan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS), di sini dinaik taraf menjadi universiti penuh, berkuat kuasa serta-merta dan meluluskan peruntukan sebanyak RM43.5 juta bagi membina jambatan Manong.

Perdana Menteri berkata, KUISAS akan dikenali sebagai Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia (USAS) selepas mendapat perkenan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

“Sebagai kesinambungan sejarah Kuala Kangsar selaku an-

tara bandar pendidikan tertua di negara ini yang menempatkan beberapa institusi pendidikan tersohor seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), Sekolah Menengah Clifford dan Madrasah Idrisiah, sukacita saya mengumumkan KUISAS diberi status universiti penuh berkuat kuasa serta-merta,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena lawatannya ke kolej universiti itu di sini, semalam. Yang turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir serta empat anak calon Barisan Nasional (BN), Datin Mastura Mohd Yazid iaitu Wan Emir Astar Wan Mohammad Khair-il Anuar, Wan Imar, Wan Iskandar dan Wan Amar.

## Lima agenda calon BN

Menjadikan KUISAS universiti adalah antara lima agenda calon BN dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar.

Pada majlis terbuka puasa bersama kariah masjid dan penduduk di Masjid Nurul Huda, Manong pula, Perdana Menteri mengumumkan meluluskan peruntukan RM43.5 juta bagi membina jambatan Manong dan jalan di sekelilingnya sepanjang tiga kilometer.

Beliau berkata, permintaan bagi membina jambatan itu di-

akui sudah lama dibuat penduduk di Manong dan kerajaan menyedari ia sememangnya menjadi satu keperluan bagi masyarakat di sini.

“Jambatan memang sudah lama diminta penduduk sini, tapi yang diketahui memang belum ada lagi majlis letak batu asas seperti yang didakwa pembangkang.

“Saya ada hubungi Menteri Kerja Raya (Datuk Seri Fadilah Yusoff), beliau menyatakan memang penduduk di sini hendak sangat jambatan. Bukanlah jambatan macam Pulau Pinang, tapi yang sesuai (dengan kapasiti penggunaannya) yang perbelanjaannya berbaloi,” katanya.

Ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Sekolah Menengah Cina Persendirian Tsung Wah di sini, pula Najib berkata, kerajaan bersetuju memberi sumbangan membina bangunan pentadbiran baharu sekolah itu.

## Lulus peruntukan RM1j

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut meluluskan peruntukan hampir RM1 juta bagi projek berkaitan masyarakat India di sini termasuk RM750,000 kepada Persatuan India Kuala

Kangsar bagi membina bangunan baharu.

Katanya, sebanyak RM115,000 pula diluluskan untuk membina pagar, menurap jalan dan membaiki pulih tempat pembakaran mayat di tanah perkuburan India di Jalan Sultan Iskandar di sini.

Sementara itu, ketika berucap pada Majlis Penyampaian Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah 2016, Najib meminta pengundi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar, tidak termakan dakwah pembangkang yang memperlekeh Kerajaan BN.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, rakyat sepatutnya mendengar dan merujuk maklumat, termasuk soal ekonomi negara daripada pihak yang betul, bukannya pembangkang.

“Jangan pakai dengar cakap calon pembangkang, (sebaliknya) pakai dan dengar apa Bank Dunia cakap, apa IMF (Tabung Mata Wang Antarabangsa) cakap, apa badan penarafan cakap.

“Mereka semua kata ekonomi negara di bawah pimpinan kerajaan BN diuruskan dengan begitu baik sekali, jadi kalau betul nak buat penilaian, (maka) nak terima cakap calon pembangkang atau Bank Dunia? Itu saja, mudah,” katanya.